



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

17 MEI 2024 (JUMAAT)

Operasi Khas Diselaras MCBA Rampas Barangan RM4 Juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	17 Mei



ANTARA barang yang dirampas dalam operasi khas diselaras Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (MCBA) di Sarawak. FOTO Ihsan MCBA.

Kuala Lumpur: Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (MCBA) merampas pelbagai barangan yang diseludup bernilai kira-kira RM4 juta dalam operasi bersepadu selama tiga hari di sekitar Sarawak bermula 14 Mei.

MCBA dalam kenyataan hari ini berkata, operasi itu dijalankan selaras seruan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam usaha membanteras aktiviti penyeludupan dan ketirisan.

"Dalam operasi khas yang diselaraskan oleh MCBA ini, pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) merampas pelbagai

barangan kontraban termasuk sejumlah besar daging sejuk beku, arak, rokok, dan beras putih.

"Nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM4 juta, menunjukkan kejayaan besar dalam usaha mengekang aktiviti penyeludupan di negara ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurut kenyataan itu, operasi berkenaan dilaksanakan bersama pelbagai agensi penguatkuasaan termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sarawak serta Cawangan Kawal Selia

Padi dan Beras (KPB) Sibu, Sarawak.

"Kerjasama erat antara agensi-agensi ini telah memainkan peranan penting dalam kejayaan operasi ini.

"MCBA bersama-sama agensi penguatkuasaan yang lain, komited untuk terus bekerjasama dalam usaha membanteras penyeludupan dan melindungi keselamatan sempadan negara," katanya.-

[MYMETRO](#)

MCBA Rampas Barangan Kontraban Bernilai RM4 Juta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Online	17 Mei



Antara barangan yang dirampas dalam operasi khas bersepadu bersama PDRM, DVS Sarawak serta Cawangan Kawal Selia Padi dan Beras Sibul, Sarawak.

SHAH ALAM - Agensi Pintu Masuk dan Kawalan Malaysia (MCBA) berjaya merampas pelbagai barangan kontraban yang dianggarkan berjumlah RM4 juta dalam operasi khas bersepadu di Sarawak dari 14 hingga 16 Mei lepas.

MCBA dalam satu kenyataan berkata, daging sejuk beku, bir, rokok dan beras putih antara barang yang dirampas dalam operasi yang diselaraskan oleh pihaknya bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Menurut agensi terbabit, ia merupakan satu kejayaan

besar dalam usaha mengekang aktiviti penyeludupan di negara ini.

“Operasi ini juga melibatkan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sarawak serta Cawangan Kawal Selia Padi dan Beras Sibul, Sarawak,” katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Pada 2 Mei lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan MCBA untuk melaksanakan tugas tersebut serta-merta

meskipun undang-undang berkaitan agensi berkenaan hanya akan dibentangkan di Parlimen, Julai depan.

Beliau menjelaskan, kesemua agensi di bawah MCBA boleh mula menempatkan pegawai dan anggota masing-masing di sempadan negara bagi memastikan kawalan keselamatan dijaga sekali gus aktiviti penyeludupan dapat dihentikan.

Agensi berkenaan turut memaklumkan, operasi khas yang dijalankan itu dibuat bagi menyahut seruan Anwar dalam menangani isu tersebut.

“Ia juga sebahagian daripada usaha berterusan untuk membanteras aktiviti ini,” ujarnya.-[SINARHARIAN](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR